

# PM arah MB, YB pantau projek

**K**UALA TERENGGANU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta Menteri Besar serta wakil rakyat memantau dan membuat penilaian terhadap semua projek yang dilaksanakan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, penilaian itu bukan untuk mencari kelemahan tetapi memastikan semua projek kerajaan dapat mencapai niat-lamat pelaksanaannya.

Sambil memberi contoh projek sekolah, beliau berkata, pembinaan sekolah belum memberi impak baik kepada rakyat sekiranya tidak ada perkakas, perabot dan guru yang mencukupi untuk mengajar.

"Kalau perkakas tidak ada, buku tidak ada dan makmal tidak ada, masakan pelajar dapat mengikut pelajaran mereka dengan baik.

"Wakil rakyat perlu buat penilaian projek yang dilaksanakan pada semua peringkat bukan untuk memperlekeh, mengata perkara tak elok, tetapi memberi peringatan kalau ada perkara yang lupa.

"Langkah ini perlu dilaksanakan supaya misi nasional untuk membangunkan negara peringkat demi peringkat sehingga mencapai status negara maju insya-Allah akan berjaya," katanya ketika menutup Konvensyen Umno Terengganu, di sini, semalam.

Konvensyen dua hari bermula kelmarin itu turut dihadiri Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohd Radzi Sheikh Ahmad dan Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad MuhdTaib.

Ketibaan Perdana Menteri di Lapangan Terbang Sultan Mahmud disambut Idris dan lebih 2,000 penyokong Barisan" Nasional.

Perdana Menteri kemudian menaiki beca dari Masjid Al-Muktaffi billah Shah untuk merasmikan penutup Konvensyen Umno di Primula Beach Resort.

Abdullah berkata, pelaksanaan semua projek kerajaan perlu dipantau kerana kejayaan hanya boleh dicapai sekiranya pemimpin dan rakyat bekerja kuat untuk mencapainya.

Katanya, setiap agenda kerajaan, termasuk Rancangan Malaysia Kesembilan perlu disokong rakyat.

Perdana Menteri berkata, dalam membangunkan modal insan, kerajaan tidak mahu ada masyarakat lemah dan tidak berdaya maju kerana ia akan memberi kesan negatif kepada keseluruhan modal insan di negara ini.